



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2008

**PENJELASAN MENGENAI PELAKSANAAN
MENGOSONGKAN RUMAH BIASA KERAJAAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan mengenai pelaksanaan mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2007.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan peraturan mengenai pengosongan Rumah Biasa Kerajaan oleh pegawai Kerajaan yang memiliki rumah melalui pembiayaan Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2007.

PELAKSANAAN

3. Bagi memastikan pelaksanaan pengosongan Rumah Biasa Kerajaan adalah teratur, beberapa perkara dijelaskan seperti berikut :-

- a) Pegawai yang masih menduduki Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 1 Januari 2002, telah memiliki rumah yang dibeli melalui Skim Pinjaman/ Pembiayaan Rumah Kerajaan dan siap serta selamat untuk diduduki di bawah perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2007 adalah dikecualikan daripada bayaran sewa dua kali ganda tertakluk pegawai mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan sebelum atau pada 1 April 2008. Sekiranya pegawai masih menduduki Rumah Biasa Kerajaan selepas tarikh tersebut, pegawai akan dikenakan bayaran sewa dua kali ganda mulai 2 April 2008.

- b) Pegawai yang masih menduduki Rumah Biasa Kerajaan pada atau selepas 1 September 2007, telah memiliki rumah yang dibeli melalui Skim Pinjaman/ Pembiayaan Rumah Kerajaan dan siap serta selamat untuk diduduki adalah dikecualikan daripada bayaran sewa dua kali ganda tertakluk pegawai mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan sebelum atau pada 1 April 2008. Sekiranya pegawai masih menduduki Rumah Biasa Kerajaan selepas tarikh tersebut, pegawai akan dikenakan bayaran sewa dua kali ganda mulai 2 April 2008.

- c) Pegawai yang masih menduduki Rumah Biasa Kerajaan selepas 1 April 2008 kerana rumah yang dibeli melalui Skim Pinjaman/ Pembiayaan Rumah Kerajaan masih belum siap dan selamat untuk diduduki, pegawai hendaklah mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan tersebut dalam tempoh 45 hari mulai dari tarikh Sijil Layak Duduk (*CF*) dan kunci rumah diterima oleh pegawai. Sekiranya pegawai masih menduduki Rumah Biasa Kerajaan selepas tempoh 45 hari tersebut, pegawai akan dikenakan bayaran sewa dua kali ganda.

TARIKH KUAT KUASA

- 4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

16 Januari 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan